

KEMAHIRAN BAHASA, PENJANAAN IDEA DAN PENULISAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH

Surayah Zaidon¹, Aminah Ayob²

Kementerian Pelajaran Malaysia¹, Universiti Pendidikan Sultan Idris²

ABSTRAK

Penulisan merupakan salah satu kemahiran literasi yang penting dalam sistem pendidikan kerana fungsinya sebagai medium penyampaian pengetahuan. penulisan merupakan kemahiran yang sukar dikuasai kerana penghasilan penulisan memerlukan integrasi pelbagai aspek kebolehan bahasa, kognitif dan motor. peluang yang terhad untuk kanak-kanak menghasilkan penulisan secara bebas merupakan isu yang didapati menyumbang kepada pelbagai kelemahan dalam penulisan. kajian ini bertujuan untuk meneroka penulisan kanak-kanak prasekolah yang berusia enam tahun khususnya dalam aspek kebolehan bahasa dan penjanaaan idea dalam penulisan. reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kajian kes yang dijalankan terhadap lima orang kanak-kanak berusia enam tahun. hasil kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak dapat menulis menggunakan idea mereka sendiri walaupun dengan kebolehan bahasa yang terhad. kekangan dalam aspek mekanis penulisan juga tidak menghalang kanak-kanak untuk menghasilkan penulisan. oleh itu, kajian ini mencadangkan agar potensi kanak-kanak untuk menulis secara bebas dikembangkan agar penulisan menjadi suatu kebiasaan.

Kata kunci:

penulisan, kebolehan bahasa, penjanaaan idea, kanak-kanak prasekolah

ABSTRACT

The essential literacy skills in the education system because of its function as a medium of imparting knowledge. Writing is a skill that is difficult to master because of the production of writing requires the integration of various aspects of language ability, cognitive and motor. Limited opportunities for children writing

independently produce an issue that contributed to the various weaknesses found in the literature. This study aimed to explore writing preschool children, aged six years, especially in aspects of language ability and generation of ideas in writing. Research design using a case study approach conducted on five children aged six years. The results showed that children are able to write using their own ideas even with limited language abilities. Constraints in the mechanical aspects of writing does not prevent a child to produce writing. Therefore, this study suggests that the potential of children to write independently developed so that writing became a habit.

Keywords:

writing, language ability, generating ideas, preschoolers

PENGENALAN

Kemahiran literasi adalah aspek asas dalam domain perkembangan bahasa. Di peringkat awal kanak-kanak, pemupukan kemahiran literasi adalah penting disebabkan peranannya yang besar dalam pelbagai aspek perkembangan kanak-kanak. Penulisan adalah salah satu output yang menggambarkan penguasaan literasi dan merupakan medium kanak-kanak memberitahu atau menyampaikan pengetahuan mereka (Bereiter & Scardamalia, 1987). Namun, penulisan merupakan antara komponen literasi yang sukar dikuasai (Latham, 2002; Rapcsak, 1997). Maka, adalah perlu kanak-kanak diberi peluang dan latihan secukupnya untuk menulis (Graves & Stuart, 1985; Mahzan Arshad, 2012; Murray, 2004). Anggapan bahawa pada usia awal, kanak-kanak belum boleh menghasilkan penulisan, memerlukan penelitian yang sewajarnya (Clay, 2001; Graves & Stuart, 1985; Murray, 2004).

PERNYATAAN MASALAH

Maklumat mengenai penulisan khususnya dalam pendidikan awal kanak adalah amat terhad. Ini berkemungkinan berkaitan kurangnya penyelidikan dalam bidang penulisan di Malaysia (Hashim Othman, 2005, Hashim Othman et al. 2006; Mahzan Arshad,2003). Ini secara tidak langsung menyumbang kepada kurangnya pengetahuan atau panduan untuk guru mengajar penulisan kepada murid dengan berkesan. Tinjauan yang dibuat oleh penyelidik dalam kelas-kelas prasekolah menunjukkan guru kurang menekankan aspek proses penulisan kepada murid. Yang ditekankan ialah aspek mekanis penulisan sahaja. Pemerhatian oleh penyelidik adalah sepertimana dilaporkan oleh Graves & Stuart (1985) dan Mahzan Arshad (2012) iaitu latihan penulisan di sekolah lebih menekankan struktur bahasa yang tidak mendatangkan makna kepada kanak-kanak selain tidak diminati oleh mereka. Guru kurang menjalankan aktiviti menulis yang memerlukan kanak-kanak menjana idea sendiri atau menulis untuk tujuan berkomunikasi (Siti Iwana Sharizah Abu Samah et al., 2013).

Kurangnya penekanan kepada penulisan dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah berkaitan dengan fokus kurikulum yang digunakan di sekolah. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010) menekankan aspek mekanis penulisan. Ini menyebabkan penulisan yang dijalankan di prasekolah hampir kesemuanya berbentuk menyalin semula, seperti yang dapat diperhatikan dalam tinjauan awal oleh penyelidik. Kajian Siti Iwana Sharizah Abu Samah et al. (2013) turut menyokong dapatan ini. Penekanan pengajaran penulisan adalah menulis huruf, tanda baca dan ejaan, perkataan dan ayat mudah mengikut apa yang dimodelkan oleh guru dan bukannya komunikasi makna.

Amalan pengajaran penulisan sedemikian berkemungkinan menyumbang kepada pelbagai masalah penulisan yang dialami oleh pelajar sekolah rendah dan menengah (A. Rahman et al.,2012; Abdul Rasid Jamian, 2012; Che Zanariah & Fadzilah,

2011; LPM, 2008). Strategi pengajaran penulisan pula yang berorientasikan peperiksaan (Ahdiah Zainon, 2012; Marohaini Yusuff & Zulkifli A. Manaf, 1997; Nora Nasir, 2012; Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian, 2012). Ini menyebabkan hasil penulisan tidak menggambarkan kemahiran penulisan yang sebenar.

Menurut Graves & Stuart (1985) dan Mahzan Arshad (2012), kanak-kanak perlu diberi peluang untuk menghasilkan penulisan. Aktiviti penulisan secara tidak langsung merupakan pemangkin kepada penguasaan mekanis penulisan kerana ia memberikan kanak-kanak latihan penulisan yang bermakna. Persepsi bahawa kanak-kanak hanya boleh menulis selepas menguasai kemahiran mekanis penulisan perlu dinilai semula (Clay, 2001; Graves & Stuart, 1985; Murray, 2004).

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan meneroka penulisan kanak-kanak berusia enam tahun dari aspek kebolehan bahasa dan penjanaan idea.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini diharap dapat meneroka bagaimana kanak-kanak prasekolah berusia enam tahun menghasilkan penulisan dengan menjana idea mereka sendiri menggunakan kebolehan bahasa sedia ada. Diharap dapatan yang diperolehi dapat menunjukkan kepentingan memberikan kanak-kanak peluang untuk menulis secara bebas tanpa hanya terikat kepada amalan *copy writing* yang berlaku sekarang.

TINJAUAN LITERATUR

Penulisan Kanak-kanak

Bourdin dan Fayol (2000), menyatakan bahawa penulisan adalah produksi lisan yang dihasilkan dengan penambahan dua elemen iaitu tulisan dan ejaan. Menurut Galbraith et al. (2007), penulisan adalah representasi visual bahasa lisan. Ini merupakan perspektif tradisional yang menganggap penulisan sebagai transkripsi

pertuturan yang berkembang untuk membolehkan pertuturan ditulis (Lancaster, 2003). Perspektif ini mencadangkan bahawa selagi kanak-kanak tidak mempunyai kelancaran tertentu dalam bahasa lisan, maka, mereka tidak dapat memahami dan menghasilkan penulisan (Lancaster, 2003).

Menurut Griffith et al. (2008), penulisan adalah penggunaan cetakan untuk membina mesej. Ia melibatkan dua perkara iaitu menulis huruf dan perkataan dan mengarang makna mesej. Berninger et al., (1992) membahagikan penghasilan penulisan kepada dua peringkat pemprosesan. Peringkat rendah melibatkan kesedaran fonologi dan kemahiran motor iaitu kemahiran transkripsi, sementara peringkat tinggi melibatkan proses mengarang. Untuk belajar menulis dengan mudah, kanak-kanak memerlukan pengalaman dalam aspek-aspek asas literasi (Griffith et al., 2008). Aspek asas tersebut adalah kesedaran fonologi, prinsip abjad, konsep cetakan, bahasa lisan dan pemahaman. Pengalaman ke atas aspek-aspek tersebut membolehkan kanak-kanak memahami bagaimana cetakan, bahasa dan konvensi bahasa tulisan saling berkaitan. Pemahaman ini berlaku secara serentak dan berkembang mengikut masa.

Kesedaran fonologi adalah penting dalam ejaan kerana ini membolehkan bunyi fonem satu-satu perkataan dikenal pasti. Prinsip huruf pula membolehkan huruf dan perkataan ditulis seperti mana diucapkan. Manakala konsep cetakan membolehkan penulisan dihasilkan dalam bentuk fizikal atau mekanis yang betul. Ketiga-tiga perkara ini merupakan asas bahasa yang diperlukan untuk kanak-kanak menulis. Bahasa lisan yang berlaku dalam interaksi antara manusia mempengaruhi pembinaan kosa kata dan struktur ayat. Manakala pemahaman merupakan pemikiran dan pembinaan makna. Kedua-dua perkara ini merupakan sumber idea bagi kanak-kanak menulis kerana mereka perlu mempunyai kosa kata dan menguasai makna perkataan untuk menulis.

Penulisan adalah penting disebabkan keupayaannya untuk menunjukkan kebolehan, pengalaman dan pengetahuan kanak-kanak (Dahl & Farnan, 2002). Maka, teks yang dihasilkan membolehkan kebolehan literasi kanak-kanak dinilai (Dahl & Farnan, 2002; Calkins, 1994). Penulisan adalah juga unik kerana penulisan bersifat kekal dari segi bentuk penyampaian dan komunikasi makna yang berlaku (Watanabe & Hall-Kenyon, 2011). Kebolehan penulisan untuk merekod dan menyampaikan maklumat merupakan fungsi utama penulisan (Warren, 1997).

Kemahiran Bahasa Kanak-kanak

Noam Chomsky (1965) melalui pendekatan nativis mengutarakan persoalan bagaimana bayi dan kanak-kanak dapat menguasai bahasa tanpa diajar secara sedar atau tanpa mengalami sistem pembelajaran formal, atau tanpa melalui proses pengukuhan dan peniruan. Pendekatan beliau merumuskan bahawa kanak-kanak sememangnya telah diprogramkan sejak lahir untuk mempelajari bahasa dan sangat sensitif dengan bahasa yang terdapat di persekitaran mereka. Pendekatan ini melihat kepada pemerolehan bahasa secara terpisah dari hubungan dan interaksi kanak-kanak dengan manusia lain dan persekitarannya.

Keupayaan kanak-kanak untuk membina frasa atau ayat mengikut peraturan bahasa menurut Chomsky adalah disebabkan konsep *Universal Grammar*. Menurut beliau, konsep ini dikuasai oleh kanak-kanak secara semula jadi apabila kanak-kanak membina dan menguji hipotesis mengenai peraturan bahasa yang dibina apabila mereka mula menguasai bahasa. Hipotesis yang dibina berdasarkan pengucapan yang didengari dari persekitarannya membolehkan kanak-kanak menghasilkan ayat. Menurut Chomsky, Ini menunjukkan manusia sejak lahir berkebolehan untuk membina ayat yang dinamakan sebagai struktur dalaman ayat. Struktur dalaman merupakan mesej asas dalam ayat yang difikirkan otak dan dihasilkan sebagai peraturan frasa-struktur. Dengan kata lain, konsep ini membolehkan kanak-kanak menghasilkan ayat dasar atau inti ayat.

Peringkat pemrosesan linguistik yang seterusnya iaitu peraturan transformasi tidak bersifat universal. Peraturan ini mengawal susunan elemen frasa-struktur berdasarkan bahasa tertentu untuk menghasilkan ayat yang sebenar dan lengkap yang dinamakan Chomsky sebagai struktur luaran. Di peringkat ini peraturan sintaksis bahasa tersebut mengawal struktur ayat yang dihasilkan. Dengan membuat penyusunan semula dan pengubahsuaian ke atas elemen struktur dalaman, peraturan transformasi akan menghasilkan struktur luaran. Dengan kata lain struktur luaran menunjukkan perkembangan linguistik kanak-kanak apabila dia mula menghasilkan ayat selain dari ayat dasar.

Penjanaan Idea

Piaget (1970) mengatakan bahawa idea dan imej dalam minda diwakili oleh struktur mental yang dikenali sebagai skema. Maklumat yang diterima oleh otak akan membentuk skema dalam dua proses. Proses asimilasi berlaku apabila maklumat yang diterima bersesuaian dan terus diserap ke dalam skema sedia ada. Proses akomodasi pula berlaku apabila maklumat yang diterima perlu disesuaikan dengan skema sedia ada bagi membentuk skema baharu. Menurut Teori Pemrosesan Maklumat Gagne (1965), maklumat diterima oleh otak dari perekodan sensori (*sensory register*) yang kemudiannya dihantar untuk disimpan oleh tiga jenis memori. Memori kerja menyimpan input baru sementara otak melakukan diskriminasi berdasarkan kepentingan maklumat tersebut. Maklumat terpilih disimpan dalam memori jangka pendek untuk dianalisis dan dikod dan akhirnya dipindahkan ke memori jangka panjang jika maklumat tersebut adalah bermakna, dapat dikaitkan dengan pengalaman atau pengetahuan sedia ada. Proses mengingat kembali maklumat bergantung kepada sama ada maklumat dapat diorganisasi dengan baik dan melalui proses latihan. Proses perpindahan maklumat atau idea akhirnya berlaku dengan adanya pengaplikasian maklumat dalam situasi semasa dalam bentuk pertuturan atau penulisan.

Penjanaan idea dalam penulisan melibatkan proses mengubah idea kepada perkataan, ayat dan unit wacana yang lebih besar (Berninger & Swanson, 1994). Menurut Galbraith (1996) untuk sesetengah penulis, proses menulis juga boleh menyumbang kepada penjanaan idea. Kelancaran menulis juga bergantung kepada kelancaran proses penjanaan bahasa dan pengetahuan bersesuaian untuk penulisan iaitu pengetahuan tentang topik dan genre (Alamargot & Fayol, 2009). Pengetahuan tersebut membantu dalam penjanaan dan penyusunan idea secara berkesan (Byrnes, 2009).

Pengetahuan tentang topik dapat meningkatkan kualiti penulisan (Calkins, 1986; Cutchen, 2011, DeGroff, 1987). Menurut Bereiter & Scardamalia (1987), pemerhatian yang dijalankan menunjukkan kanak-kanak menjana lebih banyak isi kandungan apabila menulis tentang tajuk yang diketahui berbanding tajuk yang asing. McCutchen (1986) mendapati penulis yang menulis tentang topik yang *familiar*, akan menulis teks yang koheren berbanding yang kurang pengetahuan. Ini menunjukkan bahawa kebolehan menulis kanak-kanak juga bergantung kepada pengalaman kanak-kanak sebelumnya dan kemahiran sedia ada dalam menerima dan mengekspresikan bahasa, kemahiran membaca emergent, perkembangan kognitif, motor dan sosio-emosi, yang merupakan sumber bagi penjanaan idea (Ruddle, 2006).

Dalam keadaan tersebut, memori kerja mendapat maklumat dari memori jangka pendek dan memori jangka panjang untuk diproses dan digunakan dalam penulisan (Berninger et al. 1991; Swanson & Berninger 1996). Memori jangka panjang di mana terletaknya pengetahuan tentang kandungan penulisan, merupakan sumber penjanaan idea dan struktur wacana yang menyediakan isi kandungan penulisan dalam genre yang berlainan (Berninger, 2000).

Kemahiran linguistik juga berperanan dalam kejelasan menulis. Kemahiran linguistik meliputi bukan sahaja aspek kesedaran

fonologi dan morfologi, tetapi juga kesedaran ortografi iaitu kebolehan menulis huruf dan mengeja dengan lancar (McCutchen, 1986). Kualiti idea penulisan didapati berbeza mengikut kemahiran bahasa seseorang penulis menurut kajian Majid Pour-Mohammad et al., (2012). Kemahiran bahasa yang lebih baik membolehkan seorang penulis menulis dengan huraian yang lebih jelas.

Pembinaan Ayat

Kanak-kanak melalui pelbagai peringkat perkembangan aspek tatabahasa dalam usaha menguasai sesuatu bahasa (Scovel, 2009). Peringkat perkembangan ini dilihat dari produksi bahasa secara lisan. Kanak-kanak tidak menyusun perkataan dalam ayat secara rawak kerana mereka sedar bahawa untuk mencantumkan perkataan dalam ayat, terdapat pola yang sistematik dalam sekuen yang dibenarkan (Scovel, 2009).

Ini menunjukkan walau tidak secara sedar, kanak-kanak telah menguasai struktur bahasa yang membolehkannya menyusun perkataan dalam ayat secara sistematik. Menurut Scovel (2009) ini merupakan bukti yang dikemukakan oleh para psikolinguistik bahawa pemerolehan bahasa terjadi secara semula jadi dan tidak hanya bergantung kepada faktor luaran atau persekitaran. Ini sepertimana yang dikemukakan oleh Chomsky yang menegaskan bahawa manusia menguasai kebolehan berbahasa kerana secara genetik. *Universal Grammar* yang terdapat dalam semua bahasa merupakan struktur bahasa sejagat yang dibuktikan dengan penghasilan struktur ayat asas yang sama dalam semua bahasa. Struktur ini yang dinamakan struktur dalaman dilihat dalam penghasilan ayat dasar yang dibina menggunakan kata nama dan kata kerja. Pemerhatian ke atas penggunaan bahasa di persekitaran seterusnya membolehkan kanak-kanak membina rumus-rumus mengenai peraturan bahasanya. Ini akan membolehkan kanak-kanak menghasilkan ayat-ayat baharu menggunakan peraturan transformasi generative.

Menurut Nik Safiah Karim (1993), dalam bentuk bahasa lisan, kanak-kanak paling mudah menguasai ayat penyata dalam komunikasi bagi tujuan menyatakan atau memberi keterangan tentang sesuatu hal atau untuk menyampaikan maksud. Ini sepertimana yang diperolehi dari kajian Brown dan Frazer dalam Azman Wan Chik (1982) yang mendapati ayat-ayat spontan dari kanak-kanak adalah berupa ayat ringkas yang biasanya mengandungi kata nama, kata kerja dan kata-kata yang penting sahaja. Keputusan yang sama juga diperolehi dari dapatan kajian Rashid Jemain (2002). Kajian tersebut yang dijalankan ke atas 48 orang kanak-kanak prasekolah TABIKA KEMAS yang berusia antara lima hingga enam tahun, juga mendapati selain ayat penyata, kanak-kanak berkebolehan menghasilkan ayat tanya dan ayat seruan dengan mudah berbanding ayat perintah. Kajian oleh Tay Meng Guat (2006) yang mengkaji pemerolehan sintaksis lisan seorang kanak-kanak Iban berusia tiga tahun lima bulan, juga mendapati subjek kajian lebih cenderung mengujarkan pola ayat dasar. Oleh kerana pengalaman wacana pertama kanak-kanak adalah berbentuk perbualan, maka, perbualan lisan mempengaruhi penjaanaan teks bertulis kanak-kanak (Bereiter & Scardamalia, 1987).


KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian kes bertujuan meneroka bagi membuat penemuan dan interpretasi mengenai penulisan kanak-kanak prasekolah. Peserta kajian terdiri dari lima orang kanak-kanak berusia enam tahun yang terdiri dari tiga orang kanak-kanak perempuan dan dua orang kanak-kanak lelaki. Kajian dijalankan di akhir tahun persekolahan. Kesemua kanak-kanak terlebih dahulu dipastikan telah mempunyai pengetahuan tentang konsep cetakan iaitu asas kemahiran mekanis penulisan yang membolehkan mereka menulis apa yang difikirkan. Ini adalah bagi memastikan kanak-kanak yang dipilih boleh menterjemahkan bunyi huruf, suku kata, perkataan atau ayat ke dalam bentuk tulisan.

Kesemua peserta kajian diminta menulis berdasarkan satu topik iaitu kucing. Mereka tidak diberikan apa-apa bentuk rangsangan. Mereka diberi kebebasan untuk menulis apa sahaja yang difikirkan dalam tempoh masa 20 minit. Atas permintaan peserta kajian, mereka dibenarkan melukis gambar kucing setelah siap tugas penulisan. Namun lukisan tersebut tidak dianalisis untuk kajian ini. Penulisan yang dihasilkan kemudiannya dianalisis secara deskriptif dengan berfokus kepada kebolehan bahasa dan idea penulisan yang dihasilkan. Semua ayat yang dihasilkan dinomborkan bagi memudahkan perbincangan.


DAPATAN KAJIAN

Rajah 1 mewakili dapatan kesemua kosa kata yang digunakan dalam penulisan di atas adalah bersesuaian. Kohesi atau pertautan antara ayat menggunakan pengulangan perkataan [kucing]. Ayat nyata ditulis dalam dua binaan ayat yang berlainan, di mana ayat 1 dan 2 menggunakan binaan kucing suka manakala ayat 3 dan 4 menggunakan binaan [kucing ada]. Susunan idea agak teratur kerana ayat 1 dan 2 menyatakan tentang kesukaan kucing manakala ayat 3 dan 4 menyatakan tentang ciri fizikal kucing. Secara keseluruhannya koheren penulisan agak kurang jelas. Ini kerana walaupun keseluruhan teks berkisar tentang kucing tetapi ia adalah mengenai mana-mana kucing secara umum. Idea yang disampaikan tidak berfokus kepada satu idea utama, atau seekor kucing yang khusus. Tiada kreativiti bagi teks ini kerana ia hanya menyampaikan maklumat yang umum tentang topik.




Rajah 1: Penulisan kanak-kanak lelaki enam tahun (i)

Rajah 2 menunjukkan penulisan kanak-kanak lelaki enam tahun (ii) kesemua kosa kata yang digunakan adalah bersesuaian. Pertautan antara ayat menggunakan pengulangan kata [kucing]. Ayat-ayat penyata ditulis menggunakan binaan ayat menggunakan bentuk [kucing...] dan [kucing suka...]. Idea yang disampaikan dalam susunan yang kurang teratur kerana kedua-duanya menyatakan mengenai apa yang dilakukan oleh kucing tetapi idea yang disampaikan adalah berlainan (makan, main). Ini mempengaruhi koheren penulisan. Koheren agak kurang jelas kerana walaupun keseluruhan teks berkisar tentang kucing tetapi kesinambungan idea tidak berfokus kepada satu idea utama yang ingin disampaikan. Idea yang disampaikan tidak kreatif kerana hanya menyampaikan maklumat umum tentang topik.




Rajah 2: Penulisan kanak-kanak lelaki enam tahun (ii)

Rajah 3 menunjukkan penulis berkebolehan menggunakan kosa kata yang bersesuaian dengan topik. Pertautan keseluruhan teks menggunakan frasa [kucing ini..]. Semua ayat merupakan ayat penyata yang dibina menggunakan bentuk ayat yang sama bermula dengan frasa [kucing ini..]. Susunan ideanya agak teratur kerana ayat 1 dan 2 menunjukkan ciri kucing dan ayat 3 adalah mengenai apa yang boleh dibuat oleh kucing. Penulisan ini mempunyai koheren yang jelas kerana keseluruhannya menceritakan tentang seekor kucing yang sama. Namun tiada kreativiti dalam idea yang disampaikan kerana keseluruhan teks menyatakan ciri fizikal kucing yang umum.




Rajah 3: Penulisan kanak-kanak perempuan enam tahun (i)

Pengkaji telah menggunakan kosa kata yang bersesuaian dalam keseluruhan penulisan. Pengulangan frasa [kucing suka] menunjukkan pertautan antara ayat yang jelas. Tiada variasi dalam binaan ayat kerana kesemua ayat merupakan ayat penyata yang menggunakan struktur yang sama iaitu [kucing suka...]. Idea yang disampaikan dalam susunan yang agak teratur kerana kesemua ayat adalah mengenai apa yang boleh dilakukan oleh kucing tetapi ayat 1 mengenai berlari berbanding ayat 2 dan 3 mengenai [makan, minum]. Koheren teks kurang kerana kesemua ayat tidak berfokus kepada seekor kucing yang tertentu. Juga, tiada kreativiti bagi penulisan ini kerana ia hanya menyatakan perkara yang umum tentang kucing.



Rajah 4: Penulisan kanak-kanak perempuan enam tahun (ii)

Semua kosa kata yang digunakan dalam penulisan di atas adalah bersesuaian. Tiada pertautan antara kedua-dua ayat. Walaupun kedua-dua ayat adalah mengenai kucing, kedua-duanya mengisahkan kucing yang berlainan (ayat 1= anak kucing, ayat 2= kucing). Kedua-dua ayat merupakan ayat penyata tetapi mempunyai binaan ayat yang berlainan. Idea yang disampaikan dalam susunan yang teratur kerana kedua-dua ayat menceritakan apa yang dilakukan oleh kucing secara berfokus (makan, minum). Namun tiada koheren dalam penulisan tersebut kerana kedua-dua ayat adalah mengenai subjek yang berlainan. Penulisan ini juga tidak menunjukkan elemen kreativiti bagi kerana ia hanya menyatakan tingkah laku kucing yang umum.



Rajah 5: Penulisan kanak-kanak perempuan enam tahun (iii)

PERBINCANGAN

Perbincangan dapatan kajian ini berfokus kepada dua aspek iaitu kebolehan bahasa dan penjanaan idea dalam penulisan kanak-kanak. Umumnya dari sampel-sampel penulisan yang diperoleh, didapati kanak-kanak boleh menghasilkan penulisan secara bebas walau tanpa diberi apa-apa rangsangan. Keupayaan kanak-kanak untuk membina frasa atau ayat mengikut peraturan bahasa menurut Chomsky (1965) adalah disebabkan konsep *Universal Grammar* yang wujud secara semula jadi. Konsep ini membolehkan kanak-kanak membina hipotesis mengenai peraturan asas berdasarkan pengucapan yang didengari dari persekitarannya yang akhirnya membolehkan kanak-kanak menghasilkan ayat-ayat dasar. Idea-idea penulisan menunjukkan pengetahuan kanak-kanak mengenai topik (Bereiter & Scardamalia, 1987; McCutchen, 1986, 2011). Penyampaian idea ini dipengaruhi oleh pengetahuan atau kebolehan bahasa sedia ada kanak-kanak. Bagi maksud perbincangan dapatan kajian ini, kebolehan bahasa difokuskan kepada tiga tret penulisan iaitu

kosa kata, kohesi dan variasi ayat, manakala penjanaan idea dibincangkan dari segi susunan idea, koheren dan kreativiti idea.

Dari kelima-lima penulisan yang dianalisis, didapati kesemuanya telah menggunakan kosa kata yang bersesuaian dengan topik penulisan yang diberi. Ini menunjukkan bahawa dalam keadaan di mana topik penulisan merupakan suatu topik yang *familiar*, kanak-kanak sememangnya telah mempunyai kosa kata yang diperlukan dalam penulisan. Kosa kata tersebut merupakan sebahagian daripada pengetahuan sedia kanak-kanak yang terhasil apabila carian maklumat bersesuaian dalam memori yang berlaku di minda (Bereiter & Scardamalia, 1987, McCutchen, 1986, 2011).

Kesemua penulisan menunjukkan adanya kohesi dalam penulisan kanak-kanak. Ayat-ayat di dalam penulisan-penulisan tersebut saling bertaut menggunakan pengulangan perkataan 'kucing' yang dijadikan sebagai subjek dalam kesemua ayat. Ini menunjukkan topik penulisan merupakan perkataan yang dijadikan kata kunci yang diulang untuk memastikan setiap ayat mempunyai hubungan antara satu sama lain. Kohesi mewujudkan pertautan antara ayat (Halliday dan Hasan, 1976). Ini dapat dilihat melalui hubungan antara sesuatu perkataan, frasa atau ayat dengan perkataan, frasa atau ayat yang lain. Ia penting kerana tautan dapat mewujudkan kesinambungan di antara bahagian-bahagian teks sehingga membentuk suatu kesatuan. Kesinambungan yang diwujudkan oleh kohesi membolehkan interpretasi makna dibuat dan membantu dan memperbaiki kefahaman (Fauzia Janjua, 2012).

Dari segi variasi ayat, didapati kesemua penulisan merupakan ayat penyata yang berfungsi untuk menceritakan atau memberitahu tentang sesuatu. Menurut Nik Safiah Karim (1993), dalam bentuk bahasa lisan, kanak-kanak paling mudah menguasai ayat penyata dalam komunikasi bagi tujuan menyatakan atau memberi keterangan tentang sesuatu hal atau untuk menyampaikan maksud. Memandangkan penulisan adalah

produksi lisan yang dihasilkan dengan penambahan dua elemen iaitu tulisan dan ejaan (Bourdin & Fayol, 2000) atau representasi visual bahasa lisan (Galbraith et al., 2007), maka kajian ini menunjukkan bahawa sememangnya kanak-kanak berusia antara enam tahun berkebolehan menghasilkan ayat penyata, dengan mudah seperti mana yang ditunjukkan dalam kajian Abdul Rashid Jemain (2002).

Kebanyakan penulisan menunjukkan binaan ayat yang kelihatan serupa di mana hampir kesemua ayat dimulakan dengan perkataan [kucing] sebagai subjek ayat dengan kebanyakannya menggunakan binaan berbentuk [kucing ada] untuk menyatakan ciri-ciri fizikal kucing, dan [kucing suka] untuk menyatakan apa yang boleh dibuat oleh kucing. Namun begitu, terdapat juga cubaan untuk menggunakan binaan yang berlainan. Contohnya, [kucing makan ikan](Rajah 2), [kucing ini] (Rajah 3) dan [anak kucing minum] (Rajah 5). Dapatan ini menyokong pendapat Chomsky (1965) bahawa binaan ayat kanak-kanak mengandungi kata nama dan kata kerja sebagai ayat dasar dan pendapat Brown dan Frazer (dalam Azman Wan Chik, 1982) bahawa ayat kanak-kanak adalah berupa ayat ringkas yang biasanya mengandungi kata nama, kata kerja dan kata-kata yang penting sahaja.

Penjanaan idea dalam penulisan melibatkan proses mengubah idea kepada perkataan, ayat dan unit wacana yang lebih besar (Berninger & Swanson, 1994). Dari penulisan yang dianalisis, didapati hanya terdapat dua jenis idea yang ditulis iaitu mengenai apa yang boleh dilakukan oleh kucing dan ciri-ciri fizikal kucing. Penulisan mengenai apa yang boleh dilakukan oleh kucing terdapat dalam semua sampel seperti [makan ikan, lompat] (Rajah 1), [makan ikan, main benang] (Rajah 2), [bunyi meow] (Rajah 3), [berlari, makan nasi, minum susu] (Rajah 4) dan [minum, makan ikan] (Rajah 5). Idea kedua mengenai ciri-ciri fizikal kucing pula terdapat dalam dua sampel sahaja seperti dalam Rajah 1 (kuku, bulu) dan Rajah 2 (warna). Dapatan ini menunjukkan bahawa idea yang disampaikan kanak-kanak pada tahap usia enam tahun terhad kepada apa yang dilihat dan ini

merupakan satu refleksi ke atas pengetahuan kanak-kanak tentang topik penulisan yang diberikan. Dapatan ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Bereiter & Scardamalia (1987). Penulisan ke atas tajuk atau topik yang diketahui didapati membantu kanak-kanak menjana lebih banyak isi dan dapat meningkatkan kualiti penulisan (Calkins, 1986; Cutchen, 2011, DeGross, 1987). Ini menunjukkan bahawa kebolehan menulis kanak-kanak juga bergantung antaranya kepada pengalaman kanak-kanak sebelumnya yang merupakan sumber bagi penjanaan idea (Ruddle, 2006).

Dari kesemua penulisan yang dihasilkan hanya Rajah 3 menunjukkan koheren yang jelas. Ketiga-tiga ayat yang dihasilkan dibina menggunakan struktur [kucing ini]. Ini menunjukkan bahawa kesinambungan idea yang jelas diperoleh dengan penggunaan perkataan [ini] yang membawa maksud keseluruhan penulisan adalah mengenai kucing yang tertentu. Penulisan dari Rajah-rajah 1, 2 dan 4 adalah kurang jelas kerana walaupun keseluruhan teks berkisar tentang kucing tetapi kesinambungan idea tidak berfokus kepada seekor kucing yang khusus atau kepada satu idea utama yang ingin disampaikan. Tiada kesinambungan idea didapati pada satu sampel iaitu Rajah 5 kerana kedua-dua ayat yang ditulis menyatakan perkara yang berlainan (anak kucing, kucing). Ini bertentangan dengan pendapat McCutchen (1986) yang mendapati penulis yang menulis tentang topik yang *familiar*, akan menulis teks yang koheren berbanding yang kurang pengetahuan. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa walau terdapat kohesi dalam semua penulisan tersebut, ini tidak menjadi faktor penentu kepada koheren teks walau mengikut Halliday dan Hasan (1976) kohesi akan mewujudkan koheren.

Kreativiti idea dalam penulisan merujuk kepada kebolehan mencipta; iaitu untuk menghasilkan sesuatu yang baharu dan asli, perubahan kepada sesuatu yang norma dan rutin yang lahir dari imaginasi pemikiran (Dawson, 2005). Tret kreativiti dalam penulisan merupakan salah satu tret yang menyumbang kepada

penulisan yang baik (Clark, 2003). Menggunakan definisi tersebut, kesemua penulisan didapati tidak kreatif kerana kesemuanya hanya menyampaikan maklumat yang umum tentang topik iaitu mengenai apa yang boleh dilakukan oleh kucing dan ciri-ciri fizikal kucing. Tiada penulisan yang menyatakan perkara yang berlainan dari norma atau yang dilahirkan dari imaginasi kanak-kanak.

CADANGAN

Walau penulisan kanak-kanak prasekolah berusia enam tahun masih belum menunjukkan struktur binaan ayat yang betul dan gramatis, kajian ini mendapati mereka mampu menjana idea mereka sendiri untuk menghasilkan penulisan menggunakan kebolehan bahasa sedia ada. Kekangan dari segi idea penulisan mungkin disebabkan mereka tidak terbiasa menulis secara bebas memandangkan latihan yang diberi di prasekolah berfokus kepada kemahiran mekanis dan kemahiran menyalin. Implikasi dari dapatan ini menunjukkan kajian ke atas sampel yang lebih besar wajar dijalankan bagi memastikan penemuan ini. Seharusnya kanak-kanak didedahkan kepada latihan-latihan yang membolehkan mereka menggunakan idea mereka secara bebas dalam penulisan. Sokongan sebegini diperlukan agar potensi kanak-kanak untuk menjana idea dalam penulisan dapat dikembangkan agar penulisan menjadi suatu kebiasaan dan berterusan. Ini dapat dijadikan pemangkin kepada peningkatan kebolehan kanak-kanak prasekolah menyampaikan maklumat secara bertulis yang dapat memberi impak yang besar kepada peringkat pendidikan seterusnya.

PENUTUP

Kajian kes kualitatif ini dijalankan bagi meneroka kebolehan kanak-kanak prasekolah menulis dan memperoleh kefahaman mengenai penulisan kanak-kanak berusia enam tahun dalam aspek kebolehan bahasa dan penjana idea. Sampel-sampel penulisan yang dianalisis menunjukkan bahawa dari segi kebolehan bahasa,

kanak-kanak dapat menggunakan kosa kata yang bersesuaian dan mempunyai kohesi ayat yang jelas. Namun, terdapat kurang variasi dalam binaan ayat yang dihasilkan. Dari segi penjanaan idea pula, walau idea yang disampaikan terhad, kurang koheren dan tidak kreatif, namun ini tetap menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah berkebolehan untuk menghasilkan penulisan secara bebas. Oleh itu, sewajarnya kanak-kanak prasekolah digalakkan untuk menulis secara bebas agar pelbagai masalah penulisan dapat dibendung dari peringkat awal.

RUJUKAN

- A. Rahman Haron, Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Yusof, N. M., Sharifah Nor Puteh & Jamaludin Badusah. (2012). Teknik SALAK dalam menjana idea membina ayat dengan cepat dan efektif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2, 83-92.
- Abdul Rasid Jamian. (2002). *Pemerolehan dan penguasaan sintaksis Bahasa Melayu di kalangan kanak-kanak prasekolah*. Tesis Doktor Falsafah (tidak diterbitkan) Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsuddin Othman, & Humaizah Hashim. (2012). Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (1), 129-140.
- Alamargot, D., & Fayol, M. (2009). Modeling the development of written transcription. In R. M. Beard, *Handbook of writing development* (pp. 23- 47). London: Sage.
- Azman Wan Chik. (1982). *Trend baru dalam pendidikan bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor.
- Bereiter, C., & Scardamalia, M. (1987). *The psychology of written composition*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Berninger, V. (2000). Development of language by hand and its connections with language by ear, mouth and eye. *Topics in Language Disorders*, 20, 65-84.

- Berninger, V., & Swanson, L. (1994). Modifying Hayes and Flower's Model of Skilled writing to explain beginning and developing writing. In E. Butterfield, *Children's writing: Toward a process of development of skilled writing* (pp. 57-81). Greenwich, CT: JAL.
- Berninger, V., Mizokawa, D., & Bragg, R. (1991). Theory-based diagnosis and remediation of writing disabilities. *Journal of School Psychology, 29*, 57-79.
- Berninger, V., Yates, C., Cartwright, A., Rutberg, I., Remy, E., & Abbott, R. (1992). Lower level developmental skills in beginning writing. *Reading and Writing: An Interdisciplinary Journal (4)*, 257-280.
- Bourdin, B., & Fayol, M. (2000). Is graphic activity cognitively costly? A developmental approach. *Reading and writing: An Interdisciplinary Journal (13)*, 183-196.
- Byrnes, J. P. (2009). *Cognitive development and learning in instructional contexts* (3rd ed.). Boston: Pearson.
- Calkins, L. (1994). *The art of teaching writing* (2nd ed.). Portsmouth, NH: Heinemann.
- Che Zanariah Che Hassan, & Fadzilah Abd. Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1* (1), 67-87.
- Chomsky, N. (1965). *Aspects of the theory of syntax*. Cambridge: MIT Press.
- Clark, I. (2003). *Concepts in composition: Theory and practise in the teaching of writing*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Clay, M. (2001). *Change over time in children's literacy development*. Auckland: Heinemann.
- Dahl, N., & Farnan, N. (2002). Children's writing: Research and practise. In J. Flood, J. Jensen, D. Lapp, & J. Squire (Eds.), *Handbook of research on teaching the English*

language arts (pp. 993-1007). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

- Dawson, P. (2005). *Creative writing and the new humanities*. London: Routledge.
- DeGross, L. (1987). The influence of prior knowledge on writing, conferencing and revising. *The Elementary School Journal* (88), 105-116.
- Fauzia Janjua. (2012). Cohesion and meanings. *Canadian Social Science*, 8 (2), 149-155.
- Galbraith, D. (1996). Self monitoring, discovery through writing and individual differences in drafting strategy. In G. V. Rijlaarsdam. *Theories, models and methodology in writing research* (pp. 121-141). Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Galbraith, D., van Waes, L., & Torrance, M. (2007). Writing and cognition. In L. v. M. Torrance (Ed.), *Writing and cognition* (pp. 1-7). Amsterdam, NL: Elsevier.
- Graves, D., & Stuart, V. (1985). *Write from the start*. New York: E.P. Dutton.
- Griffith, P., Beach, S., Ruan, J., & Dunn, L. (2008). *Literacy for young children: A guide for early childhood educators*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Halliday, M., & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Hashim Othman. (2005). *Penilaian tahap penguasaan kemahiran menulis dalam Bahasa Melayu murid sekolah kebangsaan: Kebolehpercayaan instrumen*. Tanjung Bunga, Pulau Pinang.
- Hashim Othman, Abdul Rashid Mohamed, Nor Hashimah Hashim, Ishak Ramly, Shaik Abdul Malik Mohamed Ismail, Halim Ahmad, et al. (2006). *The proficiency level of Bahasa Melayu writing skills in Malaysian primary schools*. Penang: Universiti Sains Malaysia.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lancaster, L. (2003). Moving into literacy: How it all begins. In N. Hall, J. Larson, & J. Marsh. *Handbook of early childhood literacy* (pp. 145-153). London: Sage Publications Ltd.
- Latham, D. (2002). *How children learn to write: Supporting and developing children's writing in schools*. London: Paul Chapman Publishing.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2008). *Kupasan mutu jawapan UPSR*. Retrieved April 8, 2012, from [http://www.moe.gov.my/lp/files/kmj/2008/UPSRBAHASA%20MELAYU%20SK UPSR 2008.pdf](http://www.moe.gov.my/lp/files/kmj/2008/UPSRBAHASA%20MELAYU%20SK%20UPSR%202008.pdf)
- Mahzan Arshad. (2012). *Pendidikan literasi awal kanak-kanak*. Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mahzan Arshad. (2003). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Marohaini Yusoff, & Zulfikli A. Manaf. (1997). Pengajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu di sekolah menengah: satu penilaian kualitatif. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 5 (2), 65-71.
- McCutchen, D. (1986). Domain knowledge and linguistic knowledge in the development of writing ability. *Journal of Memory and Language*, 25, 431-444.
- McCutchen, D. (2011). From novice to expert: Implications of language skills and writing-relevant knowledge for memory during the development of writing skill. *Journal of writing research*, 51-68.
- Miles, M. B., & Huberman. (1994). *Qualitative data analysis* (Edisi ke 2). Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Morrow, L. M. (1993). *Literacy development in the early years*. Boston: Allyn and Bacon.

- Murray, D. (2004). *A writer teaches writing* (2nd ed.). Boston: Thomson Heinle.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (1993). *Tatabahasa dewan edisi baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Piaget, J. (1970). *Genetic epistemology*. New York: Columbia UP.
- Rapcsak, S. Z. (1997). Disorders of writing. In L. J. (Eds.), *Apraxia: the neuropsychology of action* (pp. 149-172). London: Taylor & Francis.
- Rozita Radhiah Said, & Abdul Rasid Jamian. (2012). Amalan pengajaran karangan guru cemerlang di dalam bilik darjah: Kajian satu kes pelbagai lokasi. *Asia Pasific Journal of Educators and Education*, 27, 51-68.
- Ruddle, R. (2006). *Teaching children to read and write: Becoming an effective literacy teacher* (Edisi ke 4). Boston: Pearson Education, Inc.
- Scovel, T. (2009). *Psycholinguistic*. Oxford: Oxford University Press.
- Siti Iwana Sharizah Abu Samah, Rohaty Mohd Majzub, & Zamri Mahamod. (2013). Pengajaran dan pembelajaran penulisan kreatif di prasekolah. *Prosiding seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu*, 1, 1-22.
- Swanson, H., & Berninger, V. (1996). Individual differences in children's working memory and writing skills. *Journal of Experimental Child Psychology*, 63, 358-385.
- Tay Meng Guat. (2006). Pemerolehan bahasa kanak-kanak: Satu analisis sintaksis. *Jurnal Penyelidikan IPBL* (pp. 87-108). Sarawak: Institut Perguruan Batu Lintang.
- Warren, W. (1997). Picture writing and photographic techniques for the writing process. *English Journal*, 49-54.

Watanabe, L., & Hall-Kenyon, K. M. (2011). Improving young children's writing: The influence of story structure on kindergartners' writing complexity. *Literacy research and Instruction*, 50, 272-293.

